

23-2-2025

SDDP selesai masalah pemprosesan sisa LRA berlarutan sejak 16 tahun



BUTTERWORTH: Loji Penyahairan Sungai Dua (SDDP) yang dibangunkan dengan kos RM20 juta akan membantu menyelesaikan masalah pemprosesan sisa loji rawatan air (LRA) di Pulau Pinang yang berlarutan sejak 16 tahun lalu.

Malah, SDDP yang memulakan operasi di LRA Sungai Dua juga memberi penjimatan kepada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) sebanyak RM90 juta kerana tidak perlu menanggung kos pelupusan terlalu tinggi yang akan memberi kesan kepada pengguna.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow berkata Jabatan Alam Sekitar (JAS) sejak 2009 menggesa semua operator bekalan air di

negara ini melupuskan sisa LRA, namun kebanyakannya tidak berupaya disebabkan kos tinggi.

Menurutnya, hampir setiap LRA yang menggunakan teknologi rawatan air konvensional akan menghasilkan sisa sebagai hasil sampingan daripada proses operasinya.

"Sisa ini bukan sahaja memerlukan tempat pelupusan sesuai, tetapi juga pengurusan teliti bagi mengelak kesan buruk terhadap alam sekitar.

"Pada 2021, dianggarkan semua LRA di Malaysia menjana sejumlah 5,500 metrik tan sisa setiap hari atau kira-kira 2.1 metrik tan setahun.

"Jika PBAPP (Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang) mematuhi peraturan JAS, ia akan menanggung kos tambahan lebih RM90 juta setahun untuk meluluskan kira-kira 450 metrik tan sisa LRA yang belum diproses dari Sungai Dua, dengan anggaran kos RM550 setiap metrik tan.

"Penambahan kos ini sudah pasti akan 'dipindahkan' kepada pengguna air dalam bentuk kadar air yang jauh lebih tinggi," katanya selepas merasmikan Pembukaan SDDP hari ini.

Kon Yeow berkata, SDDP dibina sebuah syarikat pengurusan sisa berjadual dan rawatan air sisa yang tidak melibatkan sebarang kos tanah.

"PBAPP menandatangani kontrak bertempoh 15 tahun untuk memproses sisa LRA di Sungai Dua ini dan akan mengawasi operasi SDDP untuk memastikan kemudahan serta produk akhir mematuhi peraturan JAS," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP berkata, keupayaan SDDP untuk mengendalikan sisa dalam kapasiti lebih besar memberi ruang kepada LRA Sungai Dua meningkatkan pengeluaran air terawat di masa hadapan hingga 1,342 juta liter sehari.

"Pembangunan fasiliti ini mencerminkan usaha berterusan Pulau Pinang dalam mencapai matlamat pembangunan lestari, dengan mengutamakan pengurusan sisa yang selamat dan mesra alam seiring dengan peningkatan kapasiti rawatan air," katanya.